



KERATAN AKHBAR



8

www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

10.09.2023 | Metro Ahad

kafe ahad

Tindakan menamatkan riwayat sendiri terutama dalam kalangan umat Islam sering dikaitkan dengan kurangnya pegan agama serta tidak percaya dengan takdir hidup.

Rasa kecewa, putus harapan dan kesal sering menghantui mereka yang terjebak dengan krisis hidup sehingga sanggup mengambil tindakan di luar kewarasan.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sendiri mengakui kecenderungan individu untuk melakukan tindakan keji itu perlu ditangani sebaiknya menerusi kaedah terbaik berlandaskan agama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) **DATUK DR MOHD NA'IM MOKHTAR** berkongsi pandangan mengenai isu ini kepada Pengarang Berita **MUHD IZAWAN BAHARIN** dan Penolong Pengarang Berita **YUSMIZAL DOLAH ALING** untuk Kafe Ahad minggu ini.

Berdasarkan statistik berlaku peningkatan rakyat Malaysia terutama beragama Islam mempunyai kecenderungan membunuh diri disebabkan pelbagai faktor malah kecenderungan ini turut berlaku dalam kalangan kanak-kanak Islam, pada pandangan Datuk apakah kaedah terbaik menangani isu ini?

Seperti yang dinyatakan bahawa kecenderungan membunuh diri disebabkan pelbagai faktor.

Berdasarkan kenyataan Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2022, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan lebih daripada 703,000 kematian akibat membunuh diri setiap tahun di seluruh dunia, dengan purata satu kematian setiap 40 saat. Ia adalah satu daripada 10 penyebab utama kematian di dunia, dan penyebab keempat kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun. Bagi setiap nyawa yang terkorban, dianggarkan 135 ahli keluarga atau rakan-rakan akan terkesan dan mengalami impak secara emosi, sosial dan ekonomi. Manakala di Malaysia, sumber daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaporkan, terdapat peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 1,142 kes berbanding 631 kes pada tahun 2020 dengan peningkatan sebanyak 81 peratus. Bagi tahun 2022 pula, sejumlah 467 kes dilaporkan PDRM sehingga bulan Jun.

Faktor yang menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri adalah pelbagai dan kompleks, seperti isu psikososial dan

"Pada hemat saya, kita tidak boleh terlalu mudah untuk menghakimi seseorang dengan mengatakan ia berpunca daripada kekurangan kefahaman agama. Sesiapa saja boleh menerima ujian seperti kemurungan dan sebagainya"



PENINGKATAN KES BUNUH DIRI

JANGAN MUDAH HAKIMI MANGSA

persekitaran, isu kewangan, kehilangan sumber pendapatan atau pekerjaan, penyakit mental seperti kemurungan, kurang sokongan sosial dan penyalahgunaan substans.

Apakah perkara ini berlaku disebabkan kurangnya pemahaman agama?

Pada hemat saya, kita tidak boleh terlalu mudah untuk menghakimi seseorang dengan mengatakan ia berpunca daripada kekurangan kefahaman agama. Sesiapa saja boleh menerima ujian seperti kemurungan dan sebagainya.

Kita mesti percaya bahawa setiap ujian dan dugaan yang Allah SWT berikan kepada kita, sebagai hamba, kita menerima dengan positif dan bersangka baik kepada Allah SWT. Ia sebagai muhasabah diri secara bersama selain ujian itu adalah tanda Allah mahu mengangkat darjat kita melalui jalan kesabaran dan ketabahan.

Sebagai seorang Muslim, kita meyakini bahawa agama adalah kekuatan dalaman yang menjadi benteng pertahanan dalam jiwa. Apabila diuji dengan ujian ini, kita perlu memperkukuh semula amalan-amalan kerohanian kerana dengan amalan seperti solat, zikir dan seumpamanya akan memberikan ketenangan kepada jiwa insan.

Agama Islam juga mengajar kita untuk berikhtiar mencari

rawatan penyembuhan kepada sakit atau masalah yang dihadapi.

Sesi kaunseling serta rawatan terapi yang bersesuaian akan dapat membantu mereka yang menghadapi masalah seperti penyakit mental. Ahli keluarga tidak perlu berasa malu untuk tampil ke hospital untuk bertemu pakar daripada KKM. Adalah menjadi keutamaan untuk kita membantu mencari rawatan dan pemulihan kepada ahli keluarga yang menghadapi masalah kejiwaan dan penyakit mental. Kita semua tidak mahu sesiapa saja terabait dengan kejadian bunuh diri.

Kebiasaannya mereka yang bermasalah ini enggan dikenali kerana menganggap ia satu aib namun tetap mencari tempat meluahkan apa yang terkandung dalam hati, bagaimana kementerian dapat memainkan peranan ini bagi membantu mereka?

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sangat memberi perhatian terhadap permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat terutamanya bagi yang beragama Islam. Menyedari bahawa pendekatan agama yang bersempurnaan al-Quran dan As-Sunnah adalah pendekatan berkesan dalam menangani permasalahan sosial, Jakim mengambil

inisiatif mewujudkan Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK). Lokasi PKKSK terletak sama ada di Jabatan Agama, masjid, pusat transformasi bandar dan premis yang ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (Jain).

Pencegahan melalui pendekatan agama antara usaha yang paling berkesan bagi menangani masalah sosial dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Bagaimana pula institusi seperti masjid dapat digunakan untuk membantu golongan ini?

Masjid bukan dilihat sebagai tempat beribadah semata-mata, tetapi berperanan besar dalam menyatupadukan masyarakat dan membantu menyelesaikan urusan masyarakat.

Masjid yang berfungsi dengan baik akan mewujudkan pelbagai faedah dan manfaat kepada masyarakat di sekitarnya seperti dalam aspek pembentukan kerohanian, keilmuan, ekonomi dan juga sebagai pusat rujukan dan khidmat kepada masyarakat. Bahkan fungsinya boleh dikembangkan sehingga kepada pengislahan komuniti, ekonomi dan sosial.

Dalam perkara ini, Jakim bersama Jain dan Majlis Agama Islam Negeri menganjurkan pelbagai program kerohanian

dan pembangunan kepada komuniti secara tersusun dan berkala di semua peringkat bagi kanak-kanak, remaja dan dewasa.

Selain itu juga, saya melihat masjid juga turut berperanan dalam membantu golongan ini dengan menyediakan khidmat nasihat kekeluargaan dan rumah tangga melalui pendekatan kaunseling syarie, Psikospiritual Islam dan 'ilaj syarie. Berkaitan perkara ini, masjid utama di bawah Jakim turut menyediakan Pusat KSKCareCentre (KSKCC) dan beberapa masjid, surau di Wilayah Persekutuan diwujudkan PKKSK.

Saya sering menyebut agar pihak pengurusan masjid dan surau sentiasa bersikap mesra kepada semua. Kita perlu mendekati semua pihak dengan penuh rahmah dan kasih sayang.

Pada hemat saya, pihak pengurusan masjid dan surau wajar untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia menganjurkan program kesedaran tentang masalah mental.

Program kesedaran seperti ini amat bermanfaat kepada masyarakat untuk mengambil langkah yang sewajarnya apabila berhadapan dengan masalah terabait.

Dalam situasi di mana berlaku peningkatan kos sara hidup sehingga menjejaskan kualiti kehidupan rakyat, apa nasihat Datuk memastikan rakyat dapat bersabar dan berusaha mencari jalan terbaik untuk meneruskan kehidupan?

Seluruh agensi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sentiasa berusaha sedaya mungkin untuk membantu masyarakat yang tidak berkemampuan, asnaf dan mereka yang memerlukan.

Kita menggerakkan Pelan Transformasi Al-Falah yang meletakkan lima teras utama yang mana salah satunya ialah Teras Kesejahteraan Insan.

Antara program yang dijalankan ialah Program Ummah Al-Falah di bawah penyelarasan JAWHAR melalui aktiviti tawaran pembiayaan, latihan dan pembangunan kapasiti usahawan, pemasaran dan sebagainya membantu mewujudkan ekosistem usahawan yang holistik kepada asnaf dan pengusaha. MAIWP dan YaPEIM memperuntukkan pelbagai dana bagi membina latihan-latihan keusahawanan.

Manakala, keterjaminan kebajikan sosial masyarakat dipelihara melalui Inisiatif Rahmah Madani yang digerakkan secara bersama oleh agensi agama.

Kita akan sentiasa turun padang bergandingan bersama lain-lain agensi kerajaan untuk membantu golongan yang memerlukan.